



26 Disember 2018
26 December 2018
P.U. (A) 336

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERINTAH PENGALAKAN PELABURAN (AKTIVITI DIGALAKKAN DAN KELUARAN DIGALAKKAN BAGI SYARIKAT BERTEKNOLOGI TINGGI) (PINDAAN) 2018

PROMOTION OF INVESTMENTS (PROMOTED ACTIVITIES AND PROMOTED PRODUCTS FOR HIGH TECHNOLOGY COMPANIES) (AMENDMENT) ORDER 2018

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PENG GALAKAN PELABURAN 1986

PERINTAH PENG GALAKAN PELABURAN (AKTIVITI DIGALAKKAN DAN KELUARAN
DIGALAKKAN BAGI SYARIKAT BERTEKNOLOGI TINGGI) (PINDAAN) 2018

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 4 Akta Penggalakan Pelaburan 1986 [*Akta 327*], Menteri, dengan persetujuan Menteri Kewangan, membuat perintah berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Penggalakan Pelaburan (Aktiviti Digalakkan dan Keluaran Digalakkan bagi Syarikat Berteknologi Tinggi) (Pindaan) 2018**.

(2) Perintah ini disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 1 Julai 2018.

Perenggan baharu 2A

2. Perintah Penggalakan Pelaburan (Aktiviti Digalakkan dan Keluaran Digalakkan bagi Syarikat Berteknologi Tinggi) 2012 [*P.U. (A) 59/2012*] dipinda dengan memasukkan selepas perenggan 2 perenggan yang berikut:

“Pendapatan harta intelek yang tidak diambil kira

2A. (1) Dalam menentukan pendapatan suatu syarikat berteknologi tinggi yang dihasilkan daripada aktiviti digalakkan dan keluaran digalakkan bagi syarikat berteknologi tinggi itu—

(a) bagi tempoh pada atau selepas 1 Julai 2018 tetapi sebelum 1 Julai 2021, royalti dan pendapatan lain yang diperoleh daripada hak harta intelek yang baharu, tetapi bukan daripada hak harta intelek sedia ada, yang syarikat berteknologi tinggi itu ialah pemilik atau pemegang lesennya, tidak diambil kira; dan

- (b) bagi tempoh pada atau selepas 1 Julai 2021, royalti dan pendapatan lain yang diperoleh daripada semua hak harta intelek yang syarikat berteknologi tinggi itu ialah pemilik atau pemegang lesennya, tidak diambil kira.

(2) Bagi maksud perenggan 2A—

- (a) royalti atau pendapatan lain diperoleh daripada hak harta intelek jika royalti atau pendapatan lain itu boleh diterima sebagai balasan eksploitasi komersial hak itu;
- (b) “hak harta intelek” ertinya suatu hak yang timbul daripada apa-apa paten, penemuan dan inovasi utiliti, hak cipta, cap dagangan dan cap perkhidmatan, reka bentuk industri, reka bentuk susun atur litar bersepadu, kepandaian dan proses atau formula rahsia, petunjuk geografi dan pemberian geran perlindungan varieti tumbuhan, atau hak-hak lain yang serupa, sama ada yang berdaftar atau boleh daftar;
- (c) “hak harta intelek sedia ada” ertinya suatu hak harta intelek yang berhubungan dengan aktiviti digalakkan dan keluaran digalakkan dalam Jadual Pertama, yang suatu syarikat berteknologi tinggi menjadi pemilik atau pemegang lesennya sebelum 1 Julai 2018, dan bukan hak harta intelek yang baharu; dan
- (d) “harta intelek yang baharu” ertinya suatu hak harta intelek yang berhubungan dengan aktiviti digalakkan dan keluaran digalakkan bagi suatu syarikat berteknologi tinggi—
 - (i) yang syarikat berteknologi tinggi itu menjadi pemilik atau pemegang lesen hak itu pada atau selepas 1 Julai 2018; atau

- (ii) yang syarikat berteknologi tinggi itu menjadi pemilik atau pemegang lesen hak itu selepas 16 Oktober 2017 tetapi sebelum 1 Julai 2018 hasil daripada suatu pemerolehan oleh syarikat berteknologi tinggi itu, secara langsung atau tidak langsung, daripada suatu syarikat berkaitan, yang tujuan utama atau salah satu tujuan utama pemerolehan itu adalah bagi mengelak cukai pendapatan di Malaysia atau tempat lain.”.

Dibuat 20 Disember 2018
[MITI(S).700-3/1/16 JLD. 2 (6); PN(PU2)451/VII]

IGNATIUS DARELL LEIKING
Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri

Dipersetujui 20 Disember 2018
[0.3865/73(SJ.133)(5); PN(PU2)451/VII]

LIM GUAN ENG
Menteri Kewangan

PROMOTION OF INVESTMENTS ACT 1986

PROMOTION OF INVESTMENTS (PROMOTED ACTIVITIES AND PROMOTED PRODUCTS
FOR HIGH TECHNOLOGY COMPANIES) (AMENDMENT) ORDER 2018

IN exercise of the powers conferred by section 4 of the Promotion of Investments Act 1986 [*Act 327*], the Minister, with the concurrence of the Minister of Finance, makes the following order:

Citation and commencement

1. (1) This order may be cited as the **Promotion of Investments (Promoted Activities and Promoted Products for High Technology Companies) (Amendment) Order 2018**.

(2) This Order is deemed to have come into operation on 1 July 2018.

New paragraph 2A

2. The Promotion of Investments (Promoted Activities and Promoted Products for High Technology Companies) Order 2012 [*P.U. (A) 59/2012*] is amended by inserting after paragraph 2 the following paragraph:

“Exclusion of intellectual property income

2A. (1) In ascertaining the income of a high technology company arising from promoted activities and promoted products of the high technology company—

(a) for the period on or after 1 July 2018 but before 1 July 2021, royalty and other income derived from a new intellectual property right, but not from an existing intellectual property right, of which the high technology company is the owner or licensee, shall be disregarded; and

- (b) for the period on or after 1 July 2021, royalty and other income derived from all intellectual property rights of which the high technology company is the owner or licensee, shall be disregarded.

(2) For the purpose of paragraph 2A —

- (a) royalty or other income is derived from an intellectual property right if royalty or other income is receivable as consideration for the commercial exploitation of that right;
- (b) “intellectual property right” means a right arising from any patent, utility innovation and discovery, copyright, trade mark and service mark, industrial design, layout-design of integrated circuit, secret processes or formulae and know-how, geographical indication and the grant of protection of a plant variety, or other like rights, whether or not registered or registrable;
- (c) “existing intellectual property right” means an intellectual property right in relation to the promoted activities and promoted products listed in the First Schedule of which a high technology company became the owner or licensee before 1 July 2018, and is not a new intellectual property right; and
- (d) “new intellectual property right” means an intellectual property right in relation to the promoted activities and promoted products for a high technology company—
 - (i) of which the high technology company became the owner or licensee on or after 1 July 2018; or

- (ii) of which the high technology company became the owner or licensee after 16 October 2017 but before 1 July 2018 as a result of an acquisition by that high technology company, directly or indirectly, from a related company, where the main purpose or one of the main purposes of acquisition is to avoid income tax in Malaysia or elsewhere.”.

Made 20 December 2018
[MITI(S).700-3/1/16 JLD. 2 (6); PN(PU2)451/VII]

IGNATIUS DARELL LEIKING
Minister of International Trade and Industry

Concurred 20 December 2018
[0.3865/73(SJ.133)(5); PN(PU2)451/VII]

LIM GUAN ENG
Minister of Finance